



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**

KENYATAAN MEDIA

DARIPADA

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)
DAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR, (DVS) MALAYSIA**

BERKENAAN

**PEMILIKAN BERSAMA ANTARA UPM DAN DVS UNTUK VAKSIN CASEOUS
LYMPHADENITIS (CLA)**

1. Pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menandatangani surat hasrat untuk pemilikan bersama vaksin penyakit Caseous Lympadenitis (CLA) yang telah dihasilkan di Malaysia. Majlis menandatangani surat hasrat ini telah berlangsung di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya pada 23 November 2015 dengan disaksikan oleh YB Dato Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.
2. Surat hasrat ini telah ditandatangani oleh Professor Dato Dr. Mohd Fauzi bin Hj Ramlan, Timbalan Canselor UPM bagi pihak UPM dan Dato Dr. Kamarudin bin Md Isa, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
3. Penyakit CLA ialah sejenis penyakit bisul yang menyerang kambing dan bebiri. Ia mempunyai kepentingan ekonomik kerana sekiranya penyakit ini dikesan dalam daging kambing atau bebiri semasa pemeriksaan daging dibuat, keseluruhan daging tersebut akan dimusnahkan (*condemned*). Sekiranya hanya satu bisul sahaja dikesan pada daging dan tidak merebak ke

bahagian lain, bahagian daging tersebut akan dibuang dan yang selebihnya boleh diluluskan untuk dimakan.

4. Penyakit CLA ini sukar dirawat. Kawalan penyakit diperlukan bagi mengawal penyakit ini dari merebak. Ketika ini tiada vaksin tempatan dihasilkan untuk mengawal penyakit ini. Sehubungan itu, penyelidikan telah dijalankan untuk menghasilkan vaksin tempatan yang efektif bagi kawalan penyakit CLA ini.
5. Penghasilan vaksin ini melibatkan penyelidik dari UPM dan Institut Penyelidikan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar bekerjasama untuk menghasilkan vaksin CLA.
6. UPM menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan vaksin ini dan akan mempatenkannya. Sementara itu, pihak Institut Penyelidikan Veterinar akan mengambilalih penyelidikan seterusnya untuk menambahbaik vaksin tersebut bagi tujuan pendaftaran vaksin dengan Jawatankuasa Pendaftaran Bahan Biologik di Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan seterusnya mengkomersilkannya.
7. UPM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menjadi pemilik bersama di dalam paten vaksin ini. (50:50)
8. Vaksin ini telah diuji dan dapat memberikan sehingga 83% perlindungan kepada kambing dan bebiri yang disuntik. Ia juga selamat dan tidak mempunyai kesan sampingan. Kambing dan bebiri berumur 6 bulan ke atas sesuai untuk diberi vaksin ini.
9. Pada masa depan UPM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga berhasrat untuk menjalankan lebih banyak kolaborasi di dalam bidang penyelidikan penyakit ternakan bagi menangani masalah penyakit di lapangan.

Kenyataan Media Oleh:-

Dr. Nor Nazihah bt Ahmad Roslan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
24 November 2015